

bah

Mahathir - Pendakwah (Bergambar)

PENDAKWAH PERLU BENTUK MASYARAKAT ISLAM BERDAYA MAJU, KATA PM

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini berkata pendakwah di negara ini perlu berusaha membentuk masyarakat Islam yang berdaya maju dan mampu membangun, mentadbir serta mempertahankan negara dan agama dengan berkesan.

Perdana Menteri berkata- mereka tidak seharusnya menghadkan tanggung jawab mereka kepada akidah, iman dan ibadat tertentu sahaja, tetapi juga kepada pembentukan sikap yang sesuai dengan penerapan ilmu-ilmu dan kecekapan lain.

Dalam semua bidang pengetahuan, harus ada orang Islam yang menjadi pakar, katanya ketika merasmikan kursus pendakwah negara di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara, di sini.

+Demikian juga harus ada di kalangan negara-negara Islam, negara yang mampu mempertahankan umat Islam di mana sahaja. Ini juga menjadi sebahagian daripada fardu kifayah.

+Masanya sudah tiba untuk memperluaskan semula bidang tugas pendakwah supaya sesuai dengan keadaan masa dan masalah yang dihadapi oleh umat Islam, kata beliau. -- Lagi.

▼10/12/11-46MST

CNS8218

R GB 20-12 00157 BA829

bah

Mahathir - Pendakwah 2 Kuala Lumpur

Katanya, kini tidak banyak perhatian diberi kepada pembentukan peribadi Islam dan pencapaian mereka di dunia yang boleh memuliakan Islam dan menjadikan orang Islam orang yang dihormati dan disegani masyarakat lain.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, pembangunan orang Islam dan negara Islam juga tidak dianggap sebagai sebahagian daripada perkembangan agama Islam, iaitu sebagai sebahagian daripada tugas berdakwah,

+Justeru itu, penjelasan tentang keadaan sebenar umat Islam hari ini adalah penting kerana tanggungjawab untuk membentuk peribadi Islam secara menyeluruh tidak dapat diasingkan daripada dakwah Islamiah.+

Sebagai contoh, katanya, dakwah Islamiah dalam bentuk sekarang tidak akan memberi makna kepada umat Islam di Somalia dan Bosnia kerana masa kini tidak ada ibadat yang dapat mereka lakukan jika mempertahankan diri tidak dianggap sebagai ibadat.

Perdana Menteri, berkata mereka perlu dipulih daripada segi fizikal sebelum mereka dapat mengamalkan soal iman, akidah serta ibadah. -- Lagi.

▼10/12/12-05MST

CNS8233

U GB 10-12 00207 BA831

bah

Mahdthir - Pendakwah 3 Kuala Lumpur

+Hakikatnya ialah oleh kerana umat Islam seluruh dunia begitu lemah, mereka tidak berdaya memulihkan saudara seagama mereka. Lan ini adalah kerana pembentukan peribadi umat Islam yang dipertanggungjawabkan kepada pendakwah Islam terhadap perkara yang tidak mengutamakan pembangunan mental, fizikal, pengetahuan duniawi dan kecekapan mereka. +

Masalah ini berlaku kerana pendakwah dalam beberapa abad yang lepas tidak memberi perhatian kepada bidang yang lebih luas seperti yang dilakukan oleh kumpulan terdahulu daripada mereka yang menggalakkan pengetahuan bagi memperluaskan wilayah Islam dan mentadbirnya dengan cekap, Dr Mahathir..

+Kebolehan mereka juga menyebabkan agama Islam, umat Islam serta negara Islam dihormati. Tetapi yendakwah seperti' ini sukar didapati sekarang. Itulah sebabnya kita harus melahirkan semula pendakwah yang seumpamanya.+

Bagaimanapun, katanya, usaha menghidupkan semula dakwah seumpamanya perlu disesuaikan dengan zaman dan mereka tidak seharusnya menjadi masalah kepada masyarakat Islam dengan bersikap ekstrem serta memecahbelah dan mengelirukan orang Islam melalui ajaran yang boleh melemahkan negara Islam yang sudahpun lemah.

+Bukanlah menjadi tugas pendakwah untuk membuat penilaian terhadap keislaman orang-orang tertentu dengan tujuan menyerang dan menjatuhkan mereka, +katanya, Tugas sebenar mereka ialah membetulkan akidah, iman dan amalan mereka secara bijak supaya tidak berlaku perpecahan. -- Lagi.

▼10/12/12-23MST

CNS8259

RGB 10-12 00198 BA832

bah

Mahathir - Pendakwah 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata kerajaan meletakkan harapan yang tinggi kepada kegiatan dakwah kerana Malaysia mahu menjadi negara Islam yang berkemampuan mempertahankan umat Islam dan negara Islam. Pencapaian matlamat itu banyak bergantung kepada fahaman dan amalan terhadap ajaran pendakwah.

+Bukan sahaja iman orang Islam tetapi maju-mundur mereka adalah juga tanggung jawab pendakwah negara, + katanya. Kerana itu pendakwah hendaklah menganggap tugas mereka sebagai ibadat yang mulia yang tidak boleh diasaskan kepada kepentingan diri semata-mata.

Beliau berkata sikap tidak hormat orang bukan Islam yang begitu jelas terhadap agama Islam sekarang bukan disebabkan oleh agama Islam itu sendiri tetapi kerana sikap dan pencapaian umat Islam yang tidak menepati ajaran..

Perkara itu tidak seharusnya dipandang ringan oleh orang Islam, terutama para pendakwah, kerana sikap tidak menghiraukan penghinaan itu menunjukkan umat Islam tidak mengamalkan ajaran memandangkan sebahagian daripada tanggung jawab orang Islam ialah mengembangkan agama mereka.

Dr Mahathir kesal kerana yang berlaku sekarang ialah umat Islam bukan sahaja tidak bersaudara seperti yang dituntut agama tetapi juga sanggup menghalang usaha menyelamatkan saudara mereka yang kebuluran oleh orang bukan Islam kerana lebih mengutamakan perebutan kuasa untuk puak masing-masing. -- Lagi.

▼10/12/13-02MST

CNS8264

RGB 10-12 00188 BA833

bah

Mahathir - Pendakwah 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata orang Islam yang berjaya dalam hal-hal keduniaan, seperti mencipta barangan canggih, tidak sepatutnya diasingkan daripada kegiatan berdakwah kerana golongan ini sebenarnya lebih mampu melakukan ibadat seperti mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji.

Dr Mahathir juga menyentuh kewujudan puak ekstrim yang membuat kriteria sendiri berkenaan Islam dan secara tidak langsung menjadi alat musuh agama.

Percubaan mereka untuk menjatuhkan kerajaan negara-negara Islam dengan menggunakan kekerasan hanya melengkapkan negara terbabit dan menyekat kemajuan sehingga tidak mampu bersaing dengan negara maju bukan Islam.

+Negara-negara Islam ini menjadi semakin mundur dan terpaksa bergantung kepada negara-negara bukan Islam sehingga hilang kebebasan, + katanya. Itulah sebabnya apabila masyarakat Islam diserang oleh musuh Islam, tidak ada satupun negara Islam yang mampu membantu.

+Gabungan semua negara Islam juga tidak mampu membuat apa-apa. Semuanya begitu lemah dan begitu bergantung atau terikat dengan negara-negara asing sehingga mereka kaku,

+Kita bersedih, kita mengeluh dan kita menyalahkan musuh-musuh Islam. Tetapi orang Islam tidak boleh menganggap diri mereka tidak bersalah. Sebenarnya, mereka lebih bersalah daripada orang lain, + tegas beliau. -- Bernama.

▼10/12/13-05MST